

Pendekatan bersasar ganti tol percuma musim perayaan

Kerajaan cari kaedah sesuai penyelarasan subsidi, sejajar keperluan semasa

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang mengenal pasti pendekatan lebih bersasar bagi menggantikan pemberian tol percuma secara menyeluruh yang dilaksanakan setiap kali musim perayaan utama di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah itu selaras usaha penyelarasan subsidi oleh kerajaan sebelum ini yang menumpukan bantuan kepada golongan B40 dan M40, tanpa membabitkan semua pihak secara menyeluruh.

“Ada pihak mempersoalkan mengapa tol percuma itu diberikan kepada semua, termasuk kereta mewah seperti Rolls Royce, Mercedes dan Maserati.

“Oleh itu, kita perlu teliti supaya rakyat yang terkesan di peringkat bawah diberikan pertimbangan lain.

“Perkara ini sedang diperincikan. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, sebelum ini hanya menyatakan prinsip asas bahawa subsidi tidak boleh diteruskan untuk semua, seperti subsidi elektrik dan minyak,” katanya.

Beliau memberitahu media Malaysia ketika mengakhiri lawatan kerja ke Sidang Kemuncak

Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2025, di Davos, Switzerland semalam.

Pada Selasa lalu, Nanta mengumumkan keputusan kerajaan dibuat pada tahun lalu untuk memberhentikan tol percuma secara menyeluruh ketika musim perayaan bermula tahun ini.

Tahun lalu, kerajaan menanggung pampasan sehingga kira-kira RM200 juta yang dibayar kepada syarikat konsesi lebuhraya, merangkumi RM80.07 juta sebagai tol percuma sempena Aidilfitri; Deepavali RM42.31 juta; Tahun Baru Cina (RM41.21 juta) dan RM38 juta pada Krismas lalu.

Jimat RM190j setahun

Pada majlis berasingan di ibu kota semalam, Nanta berkata, kerajaan boleh menjimatkan peruntukan sehingga lebih RM190 juta setahun, menerusi langkah menghentikan pemberian tol percuma secara menyeluruh itu.

Beliau menjelaskan, keputusan itu membuka jalan kepada pendekatan lebih bersasar dalam menyalurkan subsidi kepada golongan berpendapatan rendah.

“Kita sedang memperhalusi dasar memastikan bantuan disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukannya, khususnya kumpulan B40,” katanya.

Mengulas lanjut, Nanta berkata, pemberian tol percuma secara menyeluruh diperkenalkan sebagai langkah sementara ketika pandemik COVID-19 pada 2022 dan kini tidak lagi terpakai.

Beliau berkata, kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi untuk membangunkan langkah subsidi lebih

tepat bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah.

“Kita akan melaraskan dasar dari semasa ke semasa agar sejajar dengan keperluan semasa. Tumpuan kini kepada bantuan yang disasarkan dan bukan subsidi menyeluruh,” katanya.

Katanya, subsidi tidak seharusnya memberi manfaat kepada semua secara sembarangan, termasuk individu berpendapatan tinggi yang tidak memerlukan bantuan itu.

Sementara itu, Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata tahun lalu, kerajaan membayar pampasan bagi lapan hari tol percuma membabitkan empat perayaan utama.

“Kerajaan bayar antara RM38 juta hingga RM40 juta bagi satu perayaan, membabitkan dua hari tol percuma kepada syarikat konsesi lebuhraya.

“Sehari sekitar RM19 juta hingga RM20 juta (pampasan) dan tahun lalu, kerajaan buat pembayaran untuk lapan hari.

“Adakah keputusan (pemberhentian) itu boleh berubah? Boleh. Bilakah ia akan berubah atau dikekalkan? Esok (hari ini). Kita tunggu keputusannya (mesyuarat Kabinet hari ini) dan kenyataan rasmi akan dikeluarkan oleh kementerian nanti.

“Mesyuarat (Kabinet) selalunya pada setiap Rabu, namun ia berlangsung esok (hari ini) kerana Perdana Menteri baru kembali dari luar negara hari ini (semalam).

“Esok (hari ini) merupakan mesyuarat terakhir Kabinet sebelum sambutan Tahun Baharu Cina tahun ini,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke JKR Selangor, semalam.